



SIARAN AKHBAR

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan kunjungan muhibah dan perbincangan dua-hala dengan Tuan Yang Terutama Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Kesukanan, Republik Uzbekistan

Samarkand, Uzbekistan, Jumaat, 26 Ogos 2011 – Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan kunjungan muhibah dan perbincangan dua-hala dengan Tuan Yang Terutama Tursunali Kuziev, Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Kesukanan, Republik Uzbekistan. Semasa perbincangan Yang Berhormat Pehin Menteri dengan rakan sejawat nya membincangkan kearah meningkatkan hubungan kerjasama diantara kedua buah negara khususnya dalam bidang kebudayaan dan kesukanan.

Kedua-dua Menteri menyatakan persetujuan dalam mana Negara Brunei Darussalam dan Republik Uzbekistan mempunyai persamaan khususnya dalam bidang keugamaan yang dapat menyumbang kearah meningkatkan dan mengukuhkan persfahaman dan kerjasama diantara kerajaan dan rakyat kedua buah negara. Yang Berhormat Pehin Menteri menambah ini memandangkan Republik Uzbekistan mempunyai banyak peninggalan sejarah-sejarah Islam yang penting terutama sekali Uzbekistan melahirkan banyak tokoh-tokoh ugama Islam yang terkemuka seperti Imam Al-Bukhari dan Imam Al-Termizi.

Yang Berhormat Pehin Menteri menyatakan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kedatangan rombongan Kebudayaan Republik Uzbekistan ke Negara Brunei Darussalam untuk membuat persembahan kebudayaan pada bulan September 2011.

Semasa berada di Samarkand, Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang bersejarah.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berada di Republik Uzbekistan atas undangan Tuan Yang Terutama Mr. Tursunali Kusiev, Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Kesukanan Republik Uzbekistan untuk menghadiri Festival Muzik Antarabangsa kali ke-8 yang berlangsung pada 25-30 Ogos 2011.

[2]

Festival yang bertemakan “Sharq Taronalari” atau Rentak Orient (Melodies of Orient), dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Mr. Islam Karimov, President Republik Uzbekistan di Registan Square, Samarkand. Lebih daripada lima puluh (50) buah negara dari seluruh dunia telah menyertai Festival berkenaan.

Diantara matlamat utama Festival diadakan ialah untuk mempromosi budaya yang membawa keamanan (*culture of peace*); dialog diantara pelbagai budaya (*intercultural dialogue*); membangun kepelbagaian budaya (*preserve and develop cultural diversity*); mempertahankan warisan muzik tradisi untuk generasi masa hadapan; dan untuk menyokong kreativiti manusia dalam bidang berkenaan.

Festival Musik Antarabangsa kali ke-8 ini diadakan setiap dua tahun dan ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam dijemput untuk menyertainya. Festival ini adalah yang diantara yang terbesar diadakan di benua Asia.

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

26 Ogos 2011